

# Kes wan itatrima darah tercemar serius: Marina

KUALA LUMPUR, Isnin — Kementerian Kesihatan perlu bertanggungjawab atas kejadian yang menimpa seorang suri rumah yang menerima darah mengandungi virus HIV ketika menjalani pemindahan darah di Hospital Jitra, Kedah, akhir bulan lalu.

Presiden Majlis Aids Malaysia (MAM), Datin Paduka Marina Mahathir berkata, majlis itu memandang berat kejadian berkenaan kerana ia berlaku ketika suri

rumah berkenaan menjalani pemindahan darah untuk merawat masalah pendarahan haid.

“Pihak hospital wajar menanggung segala kos rawatan dan ubat-ubatan yang beliau terima,” katanya dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini.

Beliau mengulas laporan mengenai kejadian seorang suri rumah berusia 47 tahun yang disahkan menerima darah mengandungi virus

HIV ketika menjalani proses pemindahan darah di Hospital Jitra, akhir bulan lalu.

Darah berkenaan dipercayai diperolehi daripada seorang penderma, tetapi proses pemindahan itu dilakukan sebelum keputusan ujian kandungan darah itu diterima daripada Hospital Alor Star.

Berikutan itu, suri rumah berkenaan dan suaminya yang bekerja sebagai buruh, membuat laporan di Ibu Pe-

jabat Polis Daerah (IPD) Kubang Pasu. Khamis lalu kerana mendakwa Hospital Jitra bertindak cuai.

Marina berkata, suri rumah itu perlu diberi khidmat kaunseling bagi memastikan dapat meneruskan kehidupan kerana setakat ini tiada penawar untuk virus HIV/Aids.

Sementara itu, Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) mahu kerajaan mengkaji semula semua sis-

tem menderma darah bagi mengelakkan kejadian yang sama berulang.

Setiausaha Agungnya, Dr Maamur Osman berkata, sistem baru itu hendaklah menetapkan pemeriksaan dibuat ke atas rekod kesihatan penderma khususnya yang berisiko tinggi sebelum dibenarkan menderma darah.

“Persatuan amat kesal dan terkejut dengan kejadian ini kerana ia bukan pertama kali berlaku,” katanya.